



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PERMINTAAN INDIVIDU TERHADAP PRODUK KACA TIUP
DI KOMPLEKS KRAFTANGAN LANGKAWI, KEDAH**

Sukinah Binti Saud

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015**

**PERMINTAAN INDIVIDU TERHADAP PRODUK KACA TIUP
DI KOMPLEKS KRAFTANGAN LANGKAWI, KEDAH**

SUKINAH BINTI SAUD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
Program Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2015.

Student's Declaration:

I..... **SUKINAH BINTI SAUD, 33140, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**.....here by declare that the work entitled..... **PERMINTAAN INDIVIDU TERHADAP PRODUK KACA TIUP**.....

DI KOMPLEKS KRAFTANGAN LANGKAWI, KEDAH ..is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

29 Mei 2015

Date submitted

Sukinah Binti Saud (33140)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I..... **ENCIK MAZDAN BIN ALI AMARAN**... hereby certifies that the work entitle..... **PERMINTAAN INDIVIDU TERHADAP PRODUK KACA TIUP**.....

DI KOMPLEKS KRAFTANGAN LANGKAWI, KEDAH..... was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of..... **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**..... and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **ENCIK MAZDAN BIN ALI AMARAN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

F233 Kampung Sungai Tongkang,
Sungai Limau Dalam,
06910 Yan, Kedah.
Malaysia.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

Projek bertajuk '**Permintaan Individu Terhadap Produk Kaca Tiup di Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah**' telah disediakan oleh **Sukinah Binti Saud** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk **Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Program Pengurusan Seni)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Mazdan Bin Ali Amaran)

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Tanpa berkat, sabar, kekuatan, kesihatan dan semangat yang diberikan oleh-Nya tidak mungkin saya mampu melakukan kajian ini dengan sempurna.

Dikeempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan ahli keluarga saya yang telah banyak membantu dari segi sokongan moral, doa, masa dan sumber kewangan sepanjang saya menjalankan kajian ini dan pengajian saya di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Ucapan penghargaan ini saya tujukan khas kepada penyelia saya iaitu Encik Mazdan Bin Ali Amaran yang merupakan pensyarah yang banyak berbakti kepada Program Pengurusan Seni, FSGK. Beliau banyak membantu saya dan rakan-rakan seperjuangan yang lain dalam memberikan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali saya tujukan ucapan terima kasih dan penghargaan ini kepada semua informan yang terlibat dalam menjalankan kajian ini iaitu Encik Kairul Anuar Bin Harith dan Puan Rasmira Binti Ahmad yang telah banyak memberikan maklumat dan kerjasama sepanjang kajian ini dilakukan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang saya menjalankan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Jadual	viii

BAB SATU : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
	Konsep Permintaan	
	Konsep Produk Kraftangan Tempatan	
	Konsep Produk Kaca Tiup atau Seni Kristal atau Epergne	
1.2	Penyataan Masalah Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Skop Kajian	10
1.6	Limitasi Kajian	10
1.7	Rumusan	11

BAB DUA : SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pendahuluan	12
2.1	Seni Kristal Atau Seni Kaca Tiup Di Malaysia	12
2.2	Konsep Hukum Permintaan	15
2.3	Rumusan	19

BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	20
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	21
	Sumber Data Primer	
	Sumber Data Sekunder	
3.2	Kaedah Analisi Data	25
	Kaedah Kuantitatif	
	Kaedah Kualitatif	
3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	29
3.5	Target Responden	29
3.6	Rumusan	30

BAB EMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	31
4.1	Analisis Data Kuantitatif	32
4.2	Analisis Data Kualitatif	40
4.3	Hasil Dapatan Kajian Dan Perbincangan (Gabungan Kaedah Kualitatif Dan Kuantitatif)	44
4.4	Rumusan	52

BAB LIMA : CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	53
5.1	Kesimpulan	53
5.2	Cadangan	56
5.3	Rumusan	58

LAMPIRAN	59
-----------------	----

RUJUKAN	63
----------------	----

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji keunikan dan kecantikan yang terdapat dibalik produk kaca kristal yang terkenal dengan penggunaan teknik kaca tiup atau “*glass blowing*”. Perkembangan produk kaca tiup ini dikatakan semakin terkenal didalam konteks produk hiasan rumah. Produk kaca tiup ini berbeza dengan produk kristal yang lain. Selain itu juga, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji permintaan individu terhadap produk kaca tiup atau produk kristal di kawasan kajian tersebut. Aspek kajian ini merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan individu. Kedua faktor peletakkan harga produk dan pendapatan individu yang mempengaruhi permintaan terhadap produk kaca tiup ini. Ketiga ialah kajian mengenai faktor citarasa pengunjung terhadap produk kaca kristal. Sumber kajian ini diperoleh daripada pembacaan bahan-bahan ilmiah di perpustakaan dan laman sesawang mengenai produk kaca tiup ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan pengedaran 200 set borang soal selidik di kawasan kajian. Malah kajian ini turut dibantu oleh kaedah kualitatif iaitu dengan melalui sesi temubual bersama kakitangan Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah dalam mendapatkan maklumat yang lebih tepat untuk menyokong kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa cara penghasilan produk, kreativiti idea dan kualiti bahan yang digunakan menjadikan produk kaca tiup ini mendapat permintaan yang tinggi oleh peminat produk kaca krista. Keunikan dan gaya kemewahan yang terserlah pada setiap rekaan produk kaca kristal ini menjadikan ia sangat eksklusif.

Kata Kunci : *Faktor Permintaan Individu, Produk Kaca Tiup*

ABSTARCT

This research was conducted to study the uniqueness and beauty found behind the famous crystal products with the use of glass-blowing techniques or "glass blowing". This inflatable development of glass products said to be increasingly valuable in the context of home decoration products. This inflatable different glass products with other crystal products. In addition, research is conducted to study the individual requests for products or product crystal glass blowing in the study area. Aspects of this research includes the laying of factors that affectof deman. Seconf ia the price of the product and income of individual pages inflatable demand for this product. The third is the study of factors tastes of visitors to the crystal products. Source of this study was obtained from the scientific reading materials in the library and website on this inflatable product page. This study used quantitative methods, namely the distribution of questionnaires in the study area. In fact, this study also assisted by qualitative methods, namely through interviews with staff kompleks in obtaining more accurate information to support this study. The results showed that the method of production, creative ideas and the quality of the materials used to make glass blowing this product in high demand by fans crest glass products. Uniqueness and luxury style that was evident in every product design crystal glass makes it very exclusive.

Key Word : *Factors of Individual Demand, Glass Blowing Product*

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk Rajah	Muka Surat
1.1	Produk Kaca Kristal	5
1.2	Pasir Silika	5
1.3	Teknik Meniup Kaca	5
3.1	Kawasan Kajian di Kompleks Kraftangan Langkawi Kedah	28
4.1	Harga Produk Kaca Tiup jika terdapat Permintaan	36 dan 46
4.2	Kuantiti Mempengaruhi Harga Produk Kaca Tiup	36 dan 47
4.3	Membuat Tawar Menawar untuk Mendapatkan Harga Berpatutan	37
4.4	Pembelian Produk Kaca Tiup Pada Harga Yang Tinggi	38
4.5	Konsep Pilihan Pengguna Terhadap Produk Kaca Tiup	38 dan 49
4.6	Warna Pilihan Responden terhadap Produk Kaca Tiup	39 dan 50

SENARAI JADUAL

No Jadual	Tajauk Jadual	Muka Surat
2.1	Sorotan Kesusasteraan Mengikut Objektif Kajian	17
4.1	Demografi 200 Orang Responden di Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah	32
4.2	Demografi Pemberi Maklumat Semasa Temubual di Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah	40

BAB SATU

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian mengenai permintaan individu terhadap produk kaca tiup atau lebih dikenali sebagai kaca kristal yang merupakan salah satu produk seni di Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah. Kajian ini akan melibatkan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan pengguna (individu) terhadap produk kaca tiup atau produk kristal ini di kawasan kajian. Malah kajian ini akan menyingkap keistimewaan dan daya tarikan produk ini sehingga mendapat perhatian daripada penggemar produk hiasan kaca yang berkunjung ke kawasan kajian. Kajian ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian, skop kajian serta limitasi kajian dalam membantu kajian ini dilakukan agar skop kajian tidak lari daripada landasannya. Dikatakan bahawa produk ini mempunyai tarikan utama kepada pengunjung sekiranya melangkah kaki ke Pulau Langkawi. Namun rahsia yang tersingkap pada produk ini membuatkan timbulnya idea untuk mengkaji permintaan terhadap produk ini yang mempunyai nilai estetika tersendiri.

1.1 Latar Belakang Kajian

Konsep Permintaan

Definisi permintaan menurut Parmadita. (2013) dalam artikel ‘Konsep Permintaan’ menyatakan bahawa permintaan ialah kuantiti sesuatu barang yang

sanggup dan mampu dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dalam tempoh masa yang tertentu. Proses permintaan berlaku apabila kita meletakkan diri kita dalam situasi untuk mendapatkan sesuatu barang. Pelanggan akan memilih produk yang mereka inginkan dan akan membuat perbandingan harga, mengukur tahap pendapatan dan citarasa sendiri dalam membeli produk. Permintaan juga di rumuskan sebagai sesuatu produk yang dibeli pada tingkat harga tertentu dan pada masa yang tertentu. Permintaan juga berkait rapat dengan gelagat pelanggan dalam mendapatkan sesuatu produk. Menurut beliau lagi permintaan terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu permintaan individu dan permintaan pasaran. Permintaan individu merupakan permintaan ke atas sesuatu barang oleh seseorang pelanggan pada suatu tingkat harga tertentu dalam tempoh masa tertentu. Manakala permintaan pasaran adalah jumlah permintaan semua masyarakat dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu dalam suatu jangka masa tertentu. Apabila seseorang pengguna menginginkan sesuatu barang, tiga aspek ini mesti ada iaitu kehendak, mampu untuk membelinya dan bercadang untuk membelinya. Sekiranya perkara ini berhubung maka proses permintaan individu akan berlaku menurut Parmadita. (2013). Namun didalam kajian ini hanya akan menfokuskan tiga komponen permintaan individu iaitu harga, pendapatan, dan citarasa yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap permintaan produk.

Konsep Produk Kraftangan Tempatan

Menurut Marius. (1997) dalam artikel 'Definisi Kraftangan' menyatakan bahawa kraf merupakan produk yang dihasilkan menggunakan kemahiran anggota

tangan malah produk kraf ini dikeluarkan sama ada dengan atau tanpa penggunaan peralatan mudah alih sahaja. Produk keluaran kraftangan boleh diistilahkan sebagai apa-apa sahaja produk keluaran artistik yang mempunyai kekuatan dan tarikan kebudayaan dan kesenian tradisional Melayu.

Menurut Peter Dolmer. (1997) dalam artikel ini menjelaskan bahawa aktiviti kraftangan adalah sebuah aktiviti yang kreatif berkemahiran dan melalui proses penelitian agar ia menampakan keaslian kepada produk kraf. Manakala menurut Ismail Ibrahim. (2007) yang membicarakan mengenai kraftangan dalam artikel ini juga menyatakan bahawa seni kraf mempunyai aturan dalam penghasilan sesuatu produk. Hal ini kerana pengamal atau pembuat kraf adalah seseorang yang mempunyai kemahiran sejak turun temurun dalam melakukan kerja-kerja penghasilan produk kraf tertentu. Tambahan beliau lagi penghayatan dalam menghasilkan produk kraf ini mengambil kira beberapa aspek penting seperti pengetahuan, pengalaman dan kemahiran pertukangan dalam penghasilan produk. Keadaan ini menyebabkan kraf tradisi mempunyai keindahan dan kehalusan yang tinggi serta mampu menarik minat masyarakat untuk memilikinya. Produk kaca kristal ini juga merupakan salah satu produk kraftangan tempatan yang kehalusannya dinilai melalui ketelitian dan ketekunan dalam meniup dan menghasilkan sesebuah produk kaca tiup (seni kristal) yang bahannya berasaskan kaca sepenuhnya. Produk ini menggunakan teknik tiup untuk membentuk kaca kristal yang cantik.

Konsep Produk Kaca Tiup atau Seni Kristal atau *Epergne*.

Produk kaca tiup (seni kristal) dahulunya dikenali sebagai produk kaca kristal menurut Intan Mas Ayu. (2013) dalam artikel ‘Karya Popular Zaman Victoria’. Semasa zaman kegemilangan Victoria di Eropah produk kaca tiup ini dikenali sebagai *Epergne* yang merupakan nama gelaran bagi produk kaca antik di luar negara. Perhiasan kaca tiup atau *Epergne* memberikan keindahan dalam melengkapkan sudut hiasan dalaman rumah. Produk ini menggunakan kepakaran meniup kaca yang dileburkan dalam bahang api yang tinggi. Produk *Epergne* merupakan produk pilihan pengemar barangan antik yang terkenal diluar negara namun kini ia boleh didapati di Malaysia juga. Produk *Epergne* ini memberikan gaya yang moden dan kontemporari yang mampu memberikan ilham kepada kehidupan seharian. Hal ini kerana keaslian bahan kaca, kepelbagaian corak dan warna dalam setiap produk menjadikan ia lebih eksklusif dan berkualiti tinggi malah mendapat permintaan yang tinggi bagi peminat hiasan kaca kristal. Keunikan dan kepelbagaian produk kaca kristal keluaran Faizy ini merupakan ilham pereka sendiri iaitu Encik Kamarul Faizy bin Roslan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang seni kaca tiup. Beliau merupakan pelajar graduan lulusan Institusi Teknologi Mara dalam jurusan Seni Lukis dan Seni Reka yang menimba ilmu di New Zealand pada tahun 1991 amat meminati industri kristal ini. Beliau menimba ilmu dalam kursus *Glass Blowing* (kaca tiup) menjadikan beliau mengambil keputusan untuk meluaskan kemahiran dan pengetahuan beliau di Malaysia dan beliau berjaya memperkenalkan hasil kreatif daripada air tangan beliau dalam seni penghasilan kristal di Langkawi. Minat yang mendalam dalam pembuatan kaca ini menjadikan beliau bertekad untuk memperkenalkan produk kebanggaan Eropah iaitu produk kaca tiup (kaca kristal)

atau dahulunya dikenali sebagai produk kaca antik *Epergne*. Usaha beliau ini akan memudahkan pelanggan mendapatkan produk hiasan kaca kristal di Malaysia. Kamarul Ariffin Md Yassin. (2013)

Pemprosesan Produk Kaca Tiup di Faizy Crystal Glass Blowing Sdn. Bhd



Rajah 1.1 : Produk Kaca Kristal



Rajah 1.2 : Pasir Silika



Rajah 1.3 : Teknik Meniup Kaca

Sumber dari ‘Tarikan dan Keistimewaan Kristal Langkawi’. Kamarul Ariffin. (2013)

Bahan Dan Alatan dalam Proses Meniup Kaca

Penghasilan sesebuah produk kristal yang berkualiti tinggi memerlukan bahan-bahan mentah yang terbaik untuk menghasilkannya. Antara bahan-bahan mentah yang digunakan dalam pembuatan produk kaca kristal adalah seperti pasir silika, *powder colour* dan *chip colour*. Manakala bahan kimia ialah natrium karbonat, kalsium oksida, magnesium oksida. Semasa proses pembuatan produk kristal ini memerlukan peralatan yang lengkap dan berkeadaan baik. Peralatan yang digunakan dalam pembuatan produk kaca kristal ialah penyepit, gunting dan pisau. Ketuhar gas merupakan alatan utama dalam penghasilan kaca kristal. Kamarul Ariffin Md Yassin. (13 Sep 2013)

Proses Pembuatan Produk Kaca Tiup (Seni Kristal)

Proses 1 : Penyediaan pasir mentah silika yang juga disebut sebagai pasir kuarsa.

Proses 2 : Bahan kimia seperti natrium karbonat atau soda, kalsium oksida, magnesium oksida. Natrium oksida berperanan dalam menurunkan suhu yang diperlukan untuk membuat kaca komersial. Manakala kalsium oksida ditambah untuk mengelakkan udara dari memasuki pasir. Magnesium oksida juga ditambah untuk membuat kaca lebih tahan lama.

Proses 3 : Proses pencairan dimana acuan akan dipanaskan didalam ketuhar sehingga mencapai 1100 darjah celcius untuk menghasilkan kaca yang cair.

Proses 4 : Merupakan proses membentuk. Kaca cair terhasil dari pemanasan tinggi dan akan ditiup sehingga menggelembung untuk menghasilkan bentuk-bentuk yang diingini.

Proses 5 : Mensteril merupakan proses yang sering disebut sebagai proses *annealing*. Ia bertujuan untuk menghapuskan semua titik tekanan yang mungkin terbentuk dipermukaan kaca semasa proses pendinginan. Sebuah proses dinamakan *tempering*, dimana kaca dibentuk dan ditempatkan dalam ketuhar. Kemudian ia di panaskan sehingga tahap maksimum iaitu hampir mencecah 600 celsius dan kemudian disejukkan pada tekanan tinggi. Raihan Aziz. (2014) dalam artikel ‘Seni Kristal’.

1.2 Penyataan Masalah Kajian

Apakah faktor yang mempengaruhi permintaan kristal di Langkawi, Kedah yang menyebabkan ia mudah berkembang dan mendapat perhatian yang mengalakkan daripada pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

(Kamarul Ariffin Md Yassin. (2013). ‘Tarikan dan Keistimewaan Kristal Langkawi’)

Bagaimana harga dan pendapatan mempengaruhi pengguna untuk membuat keputusan dalam memiliki sesebuah barang khususnya produk kaca tiup?

(Siti Aisyah Yusoff. (2012) .‘Seni Kristal Pulau Lagenda’)

Saiz, warna dan konsep atau motif sering menjadi keutamaan pelanggan dalam mendapatkan produk kraftangan umumnya. Namun apakah jenis dan ciri-ciri yang terdapat pada produk kaca tiup ini yang mempengaruhi perhatian pengunjung ?

(Zuhairi Ali. (2012). 'Keindahan Kristal dari Langkawi')

1.3 Objektif Kajian

- 1) Mengkaji faktor yang mempengaruhi permintaan individu terhadap produk kaca tiup?

Permintaan terhadap sesebuah barang atau produk kraftangan khususnya yang dipengaruhi oleh beberapa aspek tertentu. Ia bertujuan untuk menentukan sama ada sesebuah barangan itu mendapat permintaan atau sebaliknya di pasaran.

- 2) Mengkaji pendapat individu terhadap perletakan harga pada produk kaca tiup?

Harga produk memainkan peranan penting dalam permintaan sesuatu barang. Hal ini kerana jika terdapatnya harga yang tinggi pada sesebuah produk maka permintaan keatas barang tersebut akan berkurangan. Kuasa beli pengguna di pengaruhi oleh pendapatan individu oleh itu pendapatan juga mempengaruhi permintaan terhadap sesebuah produk. Hal ini kerana jika tinggi pendapatan pengguna maka semakin besar kuasa beli dalam memenuhi kehendak mereka.

- 3) Mengkaji jenis dan ciri-ciri produk yang mempengaruhi citarasa individu dalam mendapatkan produk kaca tiup?

Citarasa individu mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi permintaan terhadap sesebuah produk. Hal ini kerana citarasa pengguna adalah pelbagai dan ia berubah mengikut keadaan tertentu.

1.4 Kepentingan Kajian

Diharapkan melalui kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Antara kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan tertentu.

Kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan kepada pengkaji akan datang untuk mengenali produk kaca kristal dan mengkaji potensi produk kraftangan tempatan dalam skop kajian yang berlainan. Kepentingan kepada pengguna, kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada pengguna terhadap harga, citarasa, pendapatan yang menyebabkan produk kraftangan kristal ini menjadi permintaan utama dikawasan kajian.

Kajian ini diharap mampu membantu pengguna dalam memberi kesedaran terhadap nilai dan estetika produk kraftangan tempatan. Hal ini kerana perubahan zaman banyak melenyapkan identiti seni pada produk kraftangan tempatan khususnya. Kajian ini diharap dapat membantu pengkaji pada masa hadapan untuk mengembangkan produk kraftangan tempatan dalam meningkatkan taraf hidup serta kualiti pendapatan pada masa akan datang.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji permintaan individu terhadap produk kaca kristal. Aspek kajian ini merangkumi faktor yang mempengaruhi permintaan produk kaca tiup, harga barang itu sendiri serta pendapatan, dan citarasa individu tersendiri. Sebagai cara mengenai pemahaman skop kajian ini dapat disimpulkan dengan contoh-contoh berikut.

Pertama ialah permintaan produk berlaku apabila faktor yang mempengaruhinya adalah tetap seperti harga barang itu sendiri dan pendapatan pengguna atau individu, serta citarasa pelanggan terhadap sesebuah produk kraftangan umumnya.

Kedua ialah harga dan pendapatan yang merujuk kepada harga barang itu sendiri. Ia merujuk kepada kenaikan harga barang X menyebabkan kuantiti yang diminta keatas barang X berkurang. Sebaliknya kejatuhan harga barang X akan menyebabkan kuantiti diminta keatas barang X meningkat.

Ketiga ialah citarasa pengguna yang banyak dipengaruhi oleh gaya hidup, taraf pendapatan, usia dan perubahan persekitaran. Sekiranya perubahan citarasa pengguna menyebabkan kuantiti diminta bertambah pada setiap tingkat harga maka permintaan keatas produk akan turut bertambah.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini menghadapi beberapa kekangan dalam mendapatkan maklumat dan sumber data yang berkaitan dengan ekonomi dalam konteks faktor permintaan

yang berkait dengan produk kraftangan. Kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah terhad kerana sumber maklumat yang ada adalah sangat kurang terutamanya daripada sumber data sekunder. Malah tidak ramai yang mengkaji produk kaca kristal ini kerana ia masih baru dalam industri kraftangan tempatan di Malaysia. Selain itu juga, kajian ini menghadapi kekangan masa kerana perlu menyiapkan laporan dan draf pertama kajian ini dalam jangka waktu yang telah ditetapkan. Kerangka waktu atau jadual kajian membantu dalam menyiapkan draf pertama kajian ini dalam jangka waktu yang ditetapkan. Disamping itu juga, kajian draf pertama ini menghadapi kekangan dalam mendapat kerjasama daripada pihak kedua iaitu pihak Kompleks Kraftangan Cawangan Langkawi yang menjadi medium utama untuk mendapatkan maklumat dan data yang lebih sahih. Kekangan tempat juga menjadi cabaran kepada setiap pengkaji. Hal ini kerana di dalam kajian ini, lokasi yang dipilih terletak agak jauh daripada institut pengajian iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

1.7 Rumusan Bab

Bab ini merumuskan mengenai pemahaman terhadap latar belakang kajian, objektif kajian serta persoalan kajian yang akan merungkai permasalahan dalam menganalisis hubungan faktor-faktor permintaan terhadap produk kristal di Kompleks Kraftangan Langkawi, Kedah. Kesimpulannya produk kristal ini mendapat sambutan yang menggalakkan oleh peminat seni kaca kerana keaslian produk dan keunikan penghasilannya yang menjadikan produk tersebut mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna.